

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, September 10, 2019 9:38 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kejohanan Golf Antara Universiti Awam Satukan Atlet Dari Pelbagai Latar Belakang



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 SEPTEMBER 2019 / 10 MUHARAM 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

KEJOHANAN GOLF ANTARA UNIVERSITI AWAM SATUKAN ATLET DARI PELBAGAI LATAR BELAKANG



UUM ONLINE: Kejohanan Golf Antara Universiti Awam (UA) Ke-47, 2019 yang berakhir Ahad lalu menyaksikan penyatuan atlet dari pelbagai latar belakang yang mengambil bahagian sepanjang dua hari penganjuran itu.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, penganjuran Kejohanan Golf Antara UA ini telah memberikan pengalaman yang berharga kepada pemain dan meningkatkan lagi prestasi universiti awam dalam sukan golf ke peringkat global.

Menurutnya, sukan golf memerlukan kemahiran, tahap disiplin yang tinggi, kesabaran, bijak membaca suasana dan bijak membuat keputusan dalam menentukan ketepatan, namun yang

lebih penting ialah semangat kesukanan, kredibiliti dan kerjasama antara atlet yang mengambil bahagian tanpa mengira umur, bangsa, pangkat dan agama.

Katanya, melalui sukan, kakitangan universiti awam dapat mengekalkan tahap kesihatan yang optimum, malah turut membantu membina kekuatan mental seperti mengawal emosi, kekal fokus, menyusun strategi dan membina semangat berpasukan.

“Dalam membangunkan sukan golf di peringkat tempatan dan antarabangsa, sebuah Akademi Golf Nasional telah diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan dipertanggungjawabkan kepada UUM untuk menguruskannya.

“Terkini, jumlah pelajar yang melanjutkan pengajian mereka di bawah program akademi ini adalah seramai 60 orang dan mempunyai *handicap* di bawah 10. Selain itu, lebih membanggakan ialah seramai lima orang pelajar dan bekas pelajar akademi ini telah menjadi pemain profesional,” katanya pada Majlis Penyampaian Hadiah dan Santapan Malam Kejohanan Golf Antara Universiti Awam Ke-47, 2019 di EDC Hotels & Resorts, kelmarin.

Beliau juga melahirkan rasa bangga kerana lapangan golf UUM yang merupakan lapangan terbaik di Malaysia mendapat maklum balas baik daripada pemain.

Pada majlis itu, Naib Canselor turut mengumumkan kejutan hadiah berupa tiket penerbangan pergi dan balik tajaan Qatar Airways yang mana johan bagi kategori Nett Individu dimenangi pemain dari UiTM menerima tiket penerbangan ke Doha, manakala johan bagi Gross Individu dari UPSI menerima tiket penerbangan ke mana-mana destinasi di Eropah.

Keseluruhan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mengungguli Kejohanan Golf Antara Universiti Awam (UA) Ke-47, 2019 sekali gus menjadi tuan rumah kejohanan golf pada tahun hadapan.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Tuanku Raja Muda Negeri Kedah Darul Aman yang juga Tuanku Pro-Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Mohd Asmirul Anuar Aris, mewakili Menteri Besar Kedah.

Tidak ketinggalan, UUM turut mengungguli kategori Jemputan Individu di tempat pertama dan kedua, manakala kategori Jemputan Berpasukan di tempat pertama dan kategori VIP Individu serta VIP Berpasukan masing-masing di tempat kedua.

Seramai 294 pemain golf dari universiti awam seluruh negara telah menyertai kejohanan tersebut dan UUM menghantar seramai 24 pemain yang terdiri daripada staf dan VIP UUM serta tetamu jemputan bagi menyertai kejohanan yang berlangsung selama dua hari pada 7 dan 8 September di Kelab Golf dan Rekreasi UUM, Darulaman Golf and Country Club, Jitra dan Kelab Golf Cinta Sayang, Sungai Petani.

Sebanyak enam (6) kategori dipertandingkan iaitu kategori Gross Individu, Gross Berpasukan, Nett Individu, Nett Berpasukan, VIP Individu dan VIP Berpasukan serta tetamu jemputan.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.